



**TEKS UCAPAN**

**DATUK Ts. DR. HJ. AMINUDDIN BIN HASSIM**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN**

**DASAR TEKNOLOGI NUKLEAR NEGARA 2030**

**(DTNN 2030)**

**20 SEPTEMBER 2023**

**HOTEL MARRIOTT, PUTRAJAYA**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam  
Malaysia MADANI,**

**Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI);

**Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Azman Bin  
Hassan**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi),  
MOSTI;

**Yang Berusaha Dr. Rosli Bin Darmawan**

Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia;

**Yang Berbahagia Academician Tan Sri Datuk Dr. Ir. Ahmad  
Tajuddin Ali**

Pengerusi Task Force Pembangunan Dasar Teknologi Nuklear  
Negara 2030;

Pengurusan Tertinggi MOSTI, Ketua-Ketua Jabatan,  
Para-Para Media,  
Serta Sidang Hadirin Yang Dikasihi

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, di atas kesudian melapangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari yang penuh bersejarah ini. Saya turut mengalu-alukan kehadiran wakil Kementerian dan Agensi, institusi pendidikan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, pihak industri dan rakan-rakan media ke majlis pelancaran ini.
2. Alhamdulillah dengan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul bersama pada hari ini bagi Majlis Pelancaran Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 (DTNN 2030) yang julung kali diadakan.

3. Teknologi nuklear memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor sosioekonomi negara pada hari ini, terutamanya dalam sektor perindustrian, kesihatan, makanan dan pertanian, pengurusan air dan perlindungan alam sekitar.
4. Malaysia telah mendapat banyak manfaat dari penggunaan teknologi nuklear sejak ia mula diperkenalkan untuk tujuan perubatan pada tahun 1897. Sejak itu, teknologi nuklear digunakan secara meluas dan memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor sosioekonomi negara. Pada masa ini, Malaysia mempunyai keupayaan dan kepakaran modal insan serta infrastruktur berteraskan sains dan teknologi nuklear yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
5. Memandangkan teknologi nuklear merupakan teknologi rentas sektor (*cross-cutting technology*), maka cabaran

utama adalah untuk merangka hala tuju teknologi nuklear yang komprehensif.

6. Bagi tujuan ini, Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 telah digubal sebagai komitmen Kerajaan bagi mengarusperdanakan penggunaan teknologi nuklear secara aman, ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memulihara sumber asli dan alam sekitar.
7. MOSTI bertindak sebagai kementerian yang menerajui pelaksanaan DTNN 2030 ini serta merangka pembangunan dasar yang berkaitan sains dan teknologi nuklear. Manakala Agensi Nuklear Malaysia bertindak sebagai agensi penyelarasan untuk platform kerjasama nasional termasuklah projek strategik berkaitan teknologi nuklear. Dasar ini telah diselarikan dengan dasar dan inisiatif semasa Kerajaan dan di peringkat antarabangsa.

8. Oleh itu, dasar ini telah dirangka dengan mengambil kira keperluan penyediaan ekosistem teknologi nuklear yang kondusif dengan berlandaskan tiga (3) asas utama iaitu:
  - i. Asas Utama 1: Perundangan, Peraturan & Piawaian (3S – Keselamatan, Sekuriti dan Kawal Selia)
  - ii. Asas Utama 2: Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)
  - iii. Asas Utama 3: Kesediaan Masa Hadapan
  
9. DTNN 2030 dijangka akan menyumbang secara langsung kepada sembilan (9) daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti yang ditetapkan dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
  
10. Selari dengan visi untuk menjadikan Malaysia terkemuka dalam pembangunan dan penggunaan sains dan teknologi nuklear secara aman, ke arah mencapai pembangunan mampan menjelang 2030, penglibatan

dan sokongan pelbagai pihak di setiap peringkat amat diperlukan untuk merealisasikan inisiatif dan pelaksanaan DTNN 2030.

11. Justeru, MOSTI bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan untuk merealisasikan pelaksanaan dasar ini berpandukan kepada Pelan Tindakan DTNN 2030 agar ianya dapat memberi manfaat dan impak positif kepada rakyat dalam memacu sosioekonomi negara ke arah kualiti hidup yang lebih baik.
12. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan penghargaan kepada YB Menteri MOSTI dan semua pihak yang sudi hadir bagi meraikan dan memeriahkan majlis pelancaran Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030 pada hari ini.

**Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.**